



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

UiTM naik imej, kedudukan

UiTM memastikan Bumiputera dapat ruang dan peluang pendidikan.



S: Bagaimana pemerhatian Datuk dalam tempoh 100 hari sebagai NC UiTM?

J: Sebaik sahaja menerima amanah memimpin UA terbesar negara, perkara pertama yang saya cari ialah kekuatan serta kelemahan UiTM. Kekuatan UiTM sudah pastinya bilangan alumni yang mencecah 640,000 orang. Apabila sebut isu kelemahan pula, saya melihat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian untuk memastikan UiTM tidak ketinggalan pada peringkat global. Antaranya, ketika ini hanya 19 peratus daripada 8,667 ahli akademik UiTM memiliki kelayakan doktor falsafah (PHD). Ini dianggap rendah kerana ia menggambarkan sejauh mana kemampuan UiTM untuk bersaing dengan UA lain serta universiti di luar negara.

Jadi, saya amat tekankan perkara ini dan akan pastikan menjelang 2018, bilangan ahli akademik UiTM yang memiliki PhD meningkat kepada 30 peratus. Dengan kerjasama serta sokongan seluruh warga UiTM, saya yakin usaha menjadikan UiTM antara universiti disegani pada peringkat global akan tercapai.

S: Dua NC terdahulu, iaitu Tan Sri Dr Ibrahim Shah Abu Shah dan Prof Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar adalah alumni UiTM. Jadi, ada pihak yang ragu sama ada Datuk boleh mempertahankan serangan

terhadap UiTM yang dianggap institusi keramat bagi golongan Bumiputera?

J: Saya pernah menyandang jawatan Ketua Pengarah Pengajian Tinggi dari 2005 hingga 2008. Jadi semua UA, termasuk UiTM sangat dekat di hati saya. Saya komited untuk meneruskan kelangsungan NC terdahulu untuk memastikan Bumiputera mendapat ruang serta peluang pendidikan di UiTM. Isu membuka ruang kepada golongan bukan Bumiputera untuk belajar di UiTM tidak timbul. Di negara kita terdapat 20 UA. Jadi, bukan Bumiputera mempunyai banyak pilihan untuk melanjutkan pengajian di UA. Selain itu, terdapat juga 80 universiti swasta serta kira-kira 400 kolej swasta.

S: Apakah keputusan kerajaan memotong dana sebanyak 20 peratus memberi tekanan kepada Datuk serta mengganggu kelancaran operasi serta pentadbiran UiTM?

J: Tidak. Walaupun dana dikurangkan, namun ia masih mencukupi. Kalau ada pihak cakap pengurangan dana akan mengganggu perjalanan sesebuah UA, ia adalah tanggapan yang tidak tepat. Hakikatnya, dana yang disalurkan oleh kerajaan kepada UA masih lagi dikira banyak. Dahulu saya memegang jawatan Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, jadi saya tahu betapa untungnya UA yang sentiasa menerima bantuan

**BERSAMBUNG
DI SEBELAH**

daripada kerajaan.

S: Apa perancangan Datuk untuk menjana pendapatan UiTM?

J: Kita ada UiTM Holding yang menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan dan program yang boleh menjana pendapatan kepada universiti. Ketika di Universiti Taylor's dahulu, pendapatan diperoleh menerusi yuran dan kursus yang ditawarkan.

Dalam konteks UiTM, kita akan memperkenalkan program 'summer school' dalam tempoh terdekat. Ia adalah kursus jangka pendek untuk tempoh tiga bulan yang ditawarkan kepada pelajar luar negara untuk belajar di UiTM termasuk kursus mengenai pelancongan, masakan Melayu, perbankan Islam serta beberapa perkara lain yang boleh ditawarkan. Sekurang-kurangnya ia boleh menambah sedikit pendapatan UiTM. Saya sudah menghantar surat kepada beberapa kedutaan mengenai tawaran kursus ini.

S: Ranking UiTM belum dibagikan kerana berada di kedudukan 700 dunia. Apakah perancangan Datuk untuk meningkatkan pencapaiannya?

J: Ya, seluruh warga UiTM akan berusaha untuk menaikkan imej dan kedudukannya. Saya anggapnya sebagai satu cabaran dan akan berusaha meningkatkan ranking ke kedudukan 500 dunia. Selain meningkatkan ranking UiTM, tumpuan kita ialah untuk melahirkan graduan mempunyai nilai istimewa yang boleh diterima industri. UiTM mahu pastikan kebolehpasaran graduan sebanyak 90 pasaran pada 2020. Graduan UiTM boleh menjadi pemimpin politik, masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta usahawan.

S: Datuk ada katakan UiTM mahu lahirkan pemimpin, termasuk pemimpin politik. Seperti kita tahu, UiTM sentiasa menjadi sasaran pihak tertentu untuk menghasut pelajar terbabit dalam politik kebencian.

J: Saya percaya pelajar UiTM sangat matang dan rasional dalam membuat pertimbangan dalam setiap perkara, termasuk isu politik. Setiap perkara ada hadnya dan kita perlu hormat kerajaan yang ada hari ini.

S: Apakah harapan Datuk kepada seluruh warga UiTM.

J: Ketika saya mula menjejakkan kaki ke UiTM, saya sudah merasai kualiti serta komitmen yang ada dalam diri seluruh warganya. Saya juga tubuhkan unit khas untuk memastikan kecemerlangan operasi serta meningkatkan produktiviti UiTM. Seperti dikatakan sebelum ini, saya mahu nama UiTM terpahat dalam peta dunia antara universiti terbaik. Ini bukan tugas mudah tetapi ia bukan perkara mustahil.



Biodata Naib Canselor UiTM

Nama: → Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said
Pendidikan: → Ijazah Sarjana Muda: Manchester University, UK (1979), Ijazah Sarjana: Brunel University, UK (1981), Ijazah Kedoktoran: Brunel University, UK (1984)
Kerjaya: → 2009 - 2015 : Naib Canselor, Taylor's University, 2005 - 2008 : Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, 1998 - 2005 : Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, 1995 - 1998 : Naib Canselor (Akademik), USM, 1990 - 1995 : Dekan Fakulti Matematik, USM, 1984 - 1990 : Pensyarah Matematik, USM

Pelantikan Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said sebagai Naib Canselor (NC) Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang baharu mengejutkan banyak pihak kerana beliau bukan dalam kalangan alumni UiTM. Hari ini, genap 100 hari beliau menerajui universiti awam (UA) yang mempunyai 155,576 pelajar. **Ikuti temubual wartawan BH, Khairul Azran Hussin** dengan beliau mengenai rancangan dan sasarannya untuk UiTM.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

